

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN NO.27

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah trend kemalangan jalan raya di jalan persekutuan di negara ini khasnya Sarawak dan solusi bagi mengatasi masalah ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan data statistik daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) tahun 2016 hingga 2018, trend kemalangan jalan raya di jalan persekutuan negara ini menunjukkan trend penurunan sebanyak 19.4%. Ini dapat dilihat daripada statistik kemalangan jalan raya pada tahun 2016 yang mencatatkan sebanyak 95,206 kes berbanding 76,720 kes pada tahun 2018. Trend penurunan juga dapat dilihat dari segi angka kematian akibat kemalangan jalan raya di jalan persekutuan di negara ini iaitu sebanyak 2,200 kes kematian pada tahun 2016 berbanding 1,664 kes kematian pada tahun 2018.
2. Untuk negeri Sarawak pula, kes kemalangan jalan raya menunjukkan trend penurunan sebanyak 26.6% iaitu daripada 7,034 kes pada tahun 2016 kepada 5,163 kes pada tahun 2018. Manakala, bagi angka kematian akibat kes kemalangan jalan raya pula menunjukkan trend penurunan iaitu sebanyak 42.6% iaitu daripada 202 kes kematian pada tahun 2016 kepada 116 kes kematian pada tahun 2018.
3. Berdasarkan sumber daripada PDRM, didapati antara punca-punca yang mengakibatkan kemalangan jalan raya adalah disebabkan oleh terbabas sendiri, cubaan memotong, mengekori terlampau rapat, berhenti mengejut dan mengantuk.
4. Pelbagai agensi yang berkaitan memainkan peranan dalam mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini. Contohnya, Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) melaksanakan pelbagai program advokasi kesedaran keselamatan jalan raya kepada pelbagai lapisan pengguna jalan raya untuk memupuk kesedaran tentang keselamatan nyawa apabila berada di atas jalan raya.

5. Di samping itu, JKJR juga aktif menyampaikan mesej peringatan tentang membudayakan sikap waspada semasa memandu menerusi media sosial, sesi temu bual radio dan televisyen. Bagi golongan muda pula, JKJR berkerjasama dengan MIROS dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam melaksanakan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya (PKJR) di peringkat sekolah rendah, menengah rendah, taska dan pra-sekolah bagi menanamkan kesedaran yang jitu di kalangan jiwa muda agar menghayati budaya berhemah semasa berada di atas jalan raya.
6. Selain itu, program intervensi *My Safe Road* juga akan dijalankan secara menyeluruh di seluruh Malaysia bermula tahun hadapan menerusi peranan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negeri (MKJR). Dengan kerjasama yang jitu daripada semua pihak yang terlibat, diharap program ini diharap dapat menurunkan kadar kemalangan dan kematian akibat kes kemalangan jalan raya di seluruh Malaysia.
7. Manakala, bagi PDRM pula giat meningkatkan penguatkuasaan dan tindakan saman ke atas pesalah-pesalah jalan raya. Di samping itu, PDRM juga mengenal pasti lokasi-lokasi kekerapan berlaku kemalangan jalan raya dengan membuat kajian punca kemalangan dan mengambil tindakan selepas kajian dibuat.

Sekian, terima kasih.